

**Kerajaan yakin
Melayu sudah
mampu mentadbir
perniagaan
dengan baik**

DM 20 NOV 1989

KUALA LUMPUR 19 Nov.— Presiden UMNO, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata kerajaan mengambil keputusan untuk men-swastakan beberapa agensinya kerana yakin orang-orang Melayu sudah mampu mentadbir perniagaan dengan baik.

Sambil menyeru orang-orang Melayu supaya yakin pada diri sendiri bahawa mereka berupaya untuk menjadi usahawan dan pengurus yang baik, Datuk Sri Dr. Mahathir juga memberi jaminan bahawa penswastakan badan-badan kerajaan tidak sekali-kali mengeneipkan saham bumiputera.

"Kalau kita swasta pun ia tidak akan jatuh ke tangan orang lain melainkan orang Melayu," ujar beliau ketika menggulung perbincangan di hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO petang ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menambah kata, sebab itu apabila kerajaan memutuskan untuk men-swastakan Terminal Kontena Pelabuhan Klang, sebahagian besar sahamnya diberi kepada Permodalan Nasional Berhad (PNB) dan sedikit kepada syarikat asing secara bersyarat.

Beliau berkata majoriti saham dalam agensi kerajaan yang diswastakan telah dipastikan milik bumiputera.

Hasilnya terminal itu berjaya dilaksanakan dengan baik dan pekerja-pekerja telah mendapat gaji yang tinggi sehinggakan pekerja-pekerja di Pelabuhan Klang pula bersetuju seluruh pelabuhan tersebut diswastakan.

"Begitu juga dengan MAS, jika ia tidak diswastakan sehingga sekarang syarikat penerbangan itu tidak dapat membuat keputusan membeli kapal terbang kerana khabarnya Menteri Kewangan seorang yang kedekut tetapi sekarang mereka bebas membeli kapal terbang dengan keputusan sendiri tanpa perlu rujuk kepada menteri terlebih dahulu," tambah beliau.